

#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

38
Hari

01
Jam

01
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Pasport vaksin jadi dokumen pengesahan

Oleh [Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan](#) - Februari 21, 2021 @ 1:57pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, pada sidang media selepas menyambut ketibaan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech di KLIA, hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan berhasrat mengeluarkan pasport vaksin sebagai dokumen pengesahan bagi individu yang sudah menerima suntikan vaksin COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata perkara itu sedang diperhalusi oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Ketika ini, kita cadangkan dua kaedah iaitu dipaparkan (terima suntikan) pada aplikasi MySejahtera.

"Kaedah kedua ialah dokumen secara fizikal iaitu dalam bentuk pasport yang boleh diterima negara lain," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan vaksin COVID-19, Pfizer-BioNTech di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), hari ini.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 2m ○ [MAKargo berjaya bawa masuk kumpulan pertama vaksin COVID-19](#)
- 19m ○ [49,472 calon duduki SPM di 336 pusat peperiksaan esok](#)
- 35m ○ [Kelas peperiksaan SPM disanitasi](#)
- 39m ○ [20,000 ketua isi rumah B40 di Perak bakal terima telefon pintar](#)
- 46m ○ [Sarawak buka pendaftaran vaksinasi COVID-19](#)
- 52m ○ [73,710 dos vaksin Pfizer-BioNTech dibawa masuk ke Johor](#)
- 53m ○ [KPM keluarkan garis panduan pengurusan buka semula sekolah, kawalan murid](#)
- 1h ○ [Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **COVID-19: Kerjasama 3 kementerian pastikan Malaysia peroleh vaksin**
- **Malaysia bakal hasilkan picagari 'low dead-volume'**
- **'Warga asing tanpa dokumen ambil vaksin tidak ditahan'**
- **Program Imunisasi diawalkan ke Rabu ini**

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong; dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dalam perkembangan berkaitan, Malaysia sedang memuktamadkan urusan penggunaan dokumen vaksin bagi membolehkan individu yang tiba di lapangan terbang dan mempunyai rekod vaksinasi tidak perlu dikuarantin.

Ka Siong berkata, perbincangan ke arah itu sudah dimulakan bersama KKM dan MOSTI.

"Kita sudah berbincang bahawa kita perlukan dokumen bagi mereka yang sudah menerima vaksin.

"Ini sama yang berlaku dengan Singapura, mereka sudah berjumpa dengan saya untuk menentukan sama ada kita boleh membuat perakuan bersama.

"Hal ini sudah kita bincangkan di bawah Wisma Putra supaya dapat menerima satu dokumen yang boleh diterima negara serantau.

"Rundingan sedang berjalan dan kita akan buat tindakan susulan," katanya pada sidang media sama.

Dokumen berkenaan, katanya, berupaya menghidupkan kembali sektor penerbangan di Malaysia dan serantau yang sebelum ini terjejas teruk susulan sekatan penerbangan keluar masuk disebabkan penularan pandemik COVID-19.

Media sebelum ini melaporkan, Immutee Health Passport dari Malaysia bekerjasama dengan Affinidi yang diasaskan oleh syarikat Temasek, untuk menyediakan passport kesihatan pertama dan diterima di Singapura menerusi platform digital Unifier Affinidi.

Immutee Health Passport adalah sistem menyimpan rekod imunisasi peribadi dan data vaksin, yang membantu memudahkan proses pemeriksaan pengguna di pusat pemeriksaan kesihatan sempadan.

Ia juga memastikan perlindungan data dan keselamatan menerusi blockchain dan mengesahkan ketulenan ujian dan vaksin COVID-19.


Awal bulan lalu, Arab Saudi melancarkan program passport kesihatan bagi memudahkan pihak berkuasa memantau mereka yang sudah menerima suntikan vaksin COVID-19.

TRENDING



NASIONAL sejam yang lepas

Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan



SELEBRITI sejam yang lepas

Acha belum bersara



NASIONAL 2 jam yang lepas

Dos vaksin tiba dari Singapura tepat jam 2 petang



NASIONAL 3 jam yang lepas

Vaksin Pfizer dihantar ke 16 pusat simpanan vaksin



WILAYAH 4 jam yang lepas

'Jangan pisahkan kami'

BERITA BERKAITAN



LAIN-LAIN (SUKAN) Jan 30, 2021 @ 12:31pm

Atlet negara ke Olimpik harap diutamakan suntikan vaksin



BOLA 3 jam yang lepas

'Usah tabur pasir periuk nasi sendiri'



NASIONAL Sep 29, 2020 @ 12:04pm

Malaysia muktamadkan pemilihan vaksin COVID-19 awal 2021



NASIONAL Nov 25, 2020 @ 1:11pm

PARLIMEN: Agihan vaksin COVID-19 tak babitkan kanak-kanak

Disyorkan untuk anda


Stay Safe, Stay Home **Outbrain** |



Surgeon: Nerve Pain? Simple Method Fights Neuropathy

Health Headlines 360

[Watch More](#)



Cara and Poppy Delevingne List Whimsical Los Angeles Home f...

Mansion Global



Will pandemic end with vaccines rolling out? See the prospects

CNA - Insight

[Watch More](#)



Need A New Income Stream? Do This Immediately...

Ace Success Academy

[Learn More](#)



This Is the Home Solution to Nail Fungus That Will Amaze You

Fungus Therapy Pro



Malaysia: Work-from-home jobs in the US may pay you more than...

Working From Home | ...



Japan's diplomatic note to counter China's growing...

ThinkChina



Getting a Job in UK may be easier

Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

IKUTI KAMI DI:



BERITA

SUKAN

MULTIMEDIA

PERKHIDMATAN

[BHPLUS](#)
[Nasional](#)
[Kes](#)
[Politik](#)
[Pendidikan](#)
[Wilayah](#)

[DUNIA](#)
[HIBURAN](#)
[BISNES](#)
[RENCANA](#)
[WANITA](#)
[HUJUNG MINGGU](#)

[Foto](#)
[BHTV](#)
[Infografik](#)

[LANGGAN](#)
[Akhbar Digital](#)
[Akhbar BH](#)

[Iklan Web](#)
[1Klassifieds](#)
[NSTP KLiK](#)